



**KENYATAAN / SIARAN AKHBAR**  
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008**

## **PERDANA MENTERI LANCAR SYILING PERINGATAN DAN SETEM KELUARAN KHAS JUBLI PERAK PUTRAJAYA**

**PUTRAJAYA, 28 OGOS 2020** - Sambutan Jubli Perak Putrajaya diserikan lagi dengan pelancaran Duit Syiling Peringatan dan Setem Keluaran Khas Putrajaya bertempat di Dewan Putra, Perdana Putra, Presint 1, Putrajaya.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd. Yassin. Turut hadir YB Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Haji Musa, YB Menteri Kewangan, YBhg. Senator Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz, YB Menteri Komunikasi & Multimedia Malaysia, YBhg. Dato' Saifuddin bin Abdullah, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim beserta menteri-menteri kabinet yang lain.

Penerbitan Duit Syiling Peringatan Jubli Perak Putrajaya merupakan kolaborasi di antara Bank Negara Malaysia dan PPj dengan dua jenis terbitan iaitu Duit Syiling Peringatan Perak Berwarna (pruf) dan Duit Syiling Peringatan Emas Nordic Brilliant Uncirculated (B.U.).

Duit Syiling Peringatan Perak Berwarna (pruf) diperbuat daripada logam perak berketulenan 99.9 seberat 31.1 gram setiap keping dengan nilai muka sebanyak RM10 di mana jumlah tempaan adalah sebanyak 1,000 keping. Duit Syiling Peringatan Emas Nordic Brilliant Uncirculated (B.U.) pula didatangkan dengan kemasan tanpa kilat yang diperbuat terutamanya menggunakan tembaga seberat 8.5 gram setiap keping dengan nilai muka RM1 di mana jumlah tempaan adalah sebanyak 15,000 keping.

Duit syiling ini juga boleh didapati dalam set dua dalam satu yang mengandungi satu duit syiling pruf perak berwarna dan satu duit syiling pruf emas Nordic di mana terdapat 1,000 set sahaja.

Penerbitan setem keluaran khas yang bertemakan "Bangunan Ikonik Putrajaya" merupakan usaha sama Pos Malaysia Berhad dengan PPj. Sebanyak lima (5) rekabentuk setem, di mana setiap satu memaparkan bangunan ikonik yang terkenal di Putrajaya iaitu

Perdana Putra, Istana Kehakiman, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Kompleks Perbadanan Putrajaya dan Jambatan Seri Gemilang.

Setiap setem membawa denominasi RM 1.30 di mana sejumlah 250,000 keping setem akan dikeluarkan bagi setiap reka bentuk dengan jumlah keseluruhan keluaran sebanyak 1.25 juta helai setem.

Setem keluaran khas ini juga turut disertakan bersama Sampul Surat Hari Pertama dengan setem dengan cetakan terhad sebanyak 30,000 helai yang boleh dibeli dengan harga RM 7 setiap satu. Pos Malaysia juga merancang untuk hanya mengeluarkan kuantiti terhad sebanyak 6,500 set folder lengkap yang boleh dibeli dengan harga RM 26.

Kedua-dua penerbitan khas ini iaitu Duit Syiling Peringatan dan Setem Keluaran Khas "Bangunan Ikonik Putrajaya" dijangka mula dijual kepada orang ramai pada bulan September 2020.

Keterangan lanjut berhubung Majlis Pelancaran Terbitan Khas Jubli Perak Putrajaya (Duit Syiling Peringatan Dan Setem Keluaran Khas), sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil ditalian 03-88877347 / 019-3354346.

(TENGKU AINA BINTI TENGKU ISMAIL SHAH)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 28 Ogos 2020